

**Insiden di Galas: Kumpulan TBH tuduh Heng berbohong
Malaysiakini.com
November 02, 2010**

Gerakan 'Malaysian for Beng Hock' hari ini mengeluarkan gambar-gambar untuk membuktikan bahawa salah seorang anggotanya telah dikasari oleh seorang pemimpin MCA Gua Musang Sabtu lalu.

Penyelarasnya, Ng Yap Hwa berkata, gambar-gambar tersebut membuktikan bahawa anggotanya itu, Soh Cher Hai, jelas ditolak dengan ganas oleh seorang individu yang dikenalpasti sebagai setiausaha MCA bahagian Gua Musang.

Gerakan itu berkata, gambar tersebut merupakan bukti bahawa Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, telah membuat kenyataan yang mengelirukan mengenai kejadian tersebut.

Heng telah mendakwa bahawa Soh tidak benar-benar jatuh ke tanah dan beliau telah memastikan keselamatan Soh sebelum beredar dari situ.

Ng berkata, gambar-gambar tersebut juga menunjukkan Heng tidak sahaja menyaksikan insiden itu, tetapi beredar tanpa memperdulikan Soh, yang terjatuh di tanah, hanya beberapa kaki sahaja darinya (kanan).

Bercakap dalam satu sidang akhbar di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor di ibunegara, beliau mendesak MCA supaya memecat setiausaha bahagian yang bertindak ganas itu, dan mengambil tindakan disiplin terhadap Heng kerana didakwa berbohong.

Soh turut hadir di sidang akhbar tersebut. Sabtu lalu, Soh cuba menemui Heng selepas satu majlis di Gua Musang, di mana timbalan menteri itu berkempen untuk BN dalam pilihan raya kecil Galas.

Ekoran insiden kekasaran terhadap Soh itu, masyarakat Cina di Gua Musang telah menyuarakan rasa tidak senang mereka terhadap MCA berhubung apa yang berlaku itu.

Dalam usaha untuk meredakan keadaan, Heng mengeluarkan kenyataan semalam untuk menunjukkan sokongannya terhadap salah satu isu yang dibangkitkan oleh gerakan tersebut, iaitu penubuhan suruhanjaya diraja untuk menyiasat kematian Teoh.